

GAYA BAHASA PANTUN KIASAN

PERIBAHASA

Padankan peribahasa dengan maksud yang betul.

1- Macam melukut di tepi gantang.
2- Jangan diikuti resmi ayam, bertelur sebiji riuh sekampung.
3- Ikut resmi padi, semakin tunduk semakin berisi.
4- Diam-diam ubi berisi, diam besi berkarat.
5- Tak sungguh seluang melaut, akhirnya balik ke tepi juga.
6- Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik di negeri sendiri.
7- Bagai sirih pulang ke ganggang.
8- Jikalau tidak berada-ada, masakan tempua bersarang rendah.
9- Jika tidak kerana angin, masakan pokok bergoyang.
10- Kalau kail panjang sejengkal, jangan lautan hendak diduga.
11- Burung terbang dipipiskan lada.
12- Dengar guruh di langit, air di tempayan dicurahkan.
13- Belum duduk, sudah berlunjur.
14- Yang dikejar tak dapat, yang dikendong berciciran.
15- Sedangkan bah kapar tak hanyut, inikan pula kemarau panjang.
16- Laksana bunga dedap, sungguh merah berabu tidak.

a) Mengharapkan keuntungan besar belum tentu dapat, keuntungan yang kecil sudah dilepaskan.
b) Sedangkan waktu muda sudah malas, apatah lagi waktu tua.
c) Tentu ada sebabnya maka terjadi sesuatu hal.
d) Walau bagaimanapun kelebihan di negara orang, tetap negeri sendiri lebih baik.
e) Belum tentu lagi memperoleh sesuatu, sudah direka-reka akan gunanya.
f) Belum dapat sesuatu yang dihajati, sudah bergembira terlebih dahulu.
g) Semakin berilmu/tinggi pangkatnya, semakin merendahkan diri (tidak sombong).
h) Tidak betah merantau, akhirnya balik semula ke kampungnya.
i) Orang yang elok paras rupanya (cantik/tampan) tetapi tidak berbudi bahasa.
j) Orang yang berusaha sedikit atau mendapat hasil yang sedikit dan tidak seberapa tetapi diheboh-hebohkan.
k) Keuntungan yang diharapkan tak dapat, sedangkan yang telah ada hilang pula.
l) Jika pengetahuan atau ilmu hanya sedikit, janganlah hendak melawan orang yang lebih banyak pengetahuannya.
m) Diam orang berilmu berfikir, diam orang bodoh sia-sia sahaja.
n) Sudah tidak diperlukan lagi atau tidak penting.
o) Jika perkara itu tidak berlaku, masakan ada orang yang berkata-kata tentang hal itu.
p) Kembali ke tempat asalnya.